

23 JUN 2000

Chua-HIV

M'SIA MAHU NEGARA MEMBANGUN DIBENARKAN KELUAR UBAT ANTI AIDS

KUALA LUMPUR, 23 Jun (Bernama) -- Malaysia kesal dengan sikap syarikat pengeluar ubat multinasional dari negara maju yang enggan membenarkan negara membangun mengeluarkan sendiri ubat "anti-retroviral" yang mampu mengurangkan jumlah kuman virus HIV dan Aids dalam badan.

Menteri Kesihatan Datuk Chua Jui Meng berkata ubat itu yang mampu mengawal perjalanan penyakit HIV dan Aids itu hanya digunakan secara meluas di negara barat kerana harganya yang terlalu tinggi.

"Berjuta orang mati setiap tahun kerana HIV dan Aids di negara-negara sedang membangun oleh kerana mereka tidak mampu membeli ubat itu dari negara barat kerana harga yang amat mahal," katanya pada sidang media pada majlis Dialog Kesihatan 2000 bersama pertubuhan bukan kerajaan (NGO) di sini hari ini.

Sehingga kini virus HIV telah merebak kepada 33.6 juta orang dengan meragut 14 juta nyawa penghidap Aids di seluruh dunia.

Beliau berkata, hospital di negara barat yang dipenuhi pesakit HIV dan Aids kini telah lengang setelah pesakit berkenaan mampu pulang ke rumah dan bertugas kembali apabila menggunakan ubat itu.

Setiap pesakit di negara membangun memerlukan perbelanjaan melebihi RM2,000 untuk menampung rawatan HIV dan Aids.

Katanya, usaha paling berkesan untuk mengurangkan harga ubat "anti-retroviral" itu ialah dengan membenarkan negara berkenaan mengeluarkan sendiri ubat itu.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meminta syarikat multinasional dari negara maju membenarkan negara di Afrika, Amerika Selatan dan Asia mengeluarkan ubat itu menerusi pelesenan wajib dan pengimportan selari, katanya.

Bagaimanapun, syarikat multinasional itu enggan memberi kelonggaran kepada negara membangun mengeluarkan ubat itu dengan alasan hak cipta terhadap ubat berkenaan yang mahal.

"Ini merupakan dilema moral di zaman ini, di mana ubat yang dapat menyelamatkan manusia telah pun ditemui, ada dalam tangan negara barat tetapi mereka mementingkan keuntungan daripada nyawa orang di negara sedang membangun," katanya.

Katanya, walaupun lima syarikat multinasional terbabit telah berjanji pada Persidangan Pertubuhan Kesihatan Sedunia di Geneva baru-baru ini untuk mengurangkan harga ubat itu bagi negara-negara membangun, namun keputusan mengenai cadangan itu masih belum diputuskan.

Beliau berkata, Persidangan Menteri-menteri Kesihatan ASEAN di Jogjakarta, Indonesia pada April lalu telah bersetuju untuk membincangkan isu HIV dan Aids pada Sidang Kemuncak Tidak Formal Ketua-ketua Kerajaan Asean Ke-4 di Singapura pada 24 dan 25 Nov depan.

Katanya, sesi khusus Sidang Kemuncak ASEAN mengenai HIV/Aids sempena Sidang Kemuncak Ketua-ketua Kerajaan Ke-7 juga akan diadakan di Brunei tahun depan.

Dianggarkan terdapat 700,000 pengidap HIV dan Aids di rantau ASEAN ketika ini, katanya.

-- BERNAMA

RZS AHH RHM